

**Kerajaan Sumbang RM1.5 Juta Bantu Yayasan Myskills Latih Remaja Cicir Pelajaran Bernama
30 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Sumbangan kerajaan sebanyak RM1.5 juta kepada Yayasan MySkills membuktikan kerajaan amat prihatin membantu golongan remaja yang tercicir dalam pelajaran serta kurang bernasib baik di negara ini.

Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S. Subramaniam berkata sumbangan yang diterima yayasan itu dapat membantu golongan tersebut meneruskan pelajaran di dalam bidang kemahiran supaya mempunyai masa depan yang cerah.

"Sumbangan inisiatif Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kepada Yayasan MySkills dapat membantu Yayasan MySkills meneruskan program yang telah ditetapkan bagi membantu remaja tersebut.

"Apa yang kita harapkan, ia dapat membantu remaja kaum India khususnya yang setiap tahun kira-kira 9,000 remaja India tercicir dalam pelajaran," katanya semasa sidang media selepas majlis penyampaian cek kepada Yayasan MySkills di sini Khamis.

Dr Subramaniam berkata golongan tersebut bukan sahaja akan didedahkan kepada pendidikan kemahiran malah mereka akan menyertai program pembangunan minda bagi memantapkan lagi sahsiah diri.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=690945>